

CABARAN PELAKSANAAN AKTIVITI: KAJIAN TERHADAP MASJID AN-NAIM

**Nur Hikmah Binti Mat Waijar
Safinah Binti Ismail**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Safinah binti Ismail. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor,
Malaysia. Email: safinah@kuis.edu.my.

Abstrak

Masjid An-Naim memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah. Masjid An-Naim telah memberi pelbagai sumbangan kepada masyarakat dari sudut pendidikan keagamaan, kemasyarakatan, ekonomi dan sebagainya demi perkembangan Islam. Namun pelbagai cabaran yang dilalui sepanjang pelaksanaan program-program yang dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran Masjid An-Naim dalam pelaksanaan dakwah dalam masyarakat setempat. Metodologi kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data melalui temu bual, dan analisis dokumen. Persampelan dilakukan kepada Masjid An-Naim, Selangor. Hasil kajian mendapati Masjid An-Naim mempunyai pelbagai cabaran dalam pelaksanaan dakwah iaitu kekurangan kewangan, kurang penyertaan dari ahli jemaah, pembatalan kuliah dan kepelbagaian ideologi. Semoga artikel ini dapat memperkaya khazanah ilmu, informasi kepada para pembaca terutama berkaitan cabaran masjid.

Kata kunci: *cabaran, pelaksanaan, aktiviti, Masjid An-Naim.*

(CHALLENGES OF ACTIVITY IMPLEMENTATION: A STUDY OF AN-NAIM MOSQUE)

Abstract

An-Naim Mosque plays an important role in the spread of da'wah. An-Naim Mosque has given various contributions to the community in terms of Islamic education, community, economy for the development of Islam. However, various challenges are encountered during the program implementation. This study aims to assess the challenges of Masjid An-Naim in the implementation of da'wah to the local community. The qualitative method used was case study as the research method. Methods of data collection is through interviews, and document analysis. The sampling was done at Masjid An-Naim, Selangor. The findings indicated that An Naim Mosque has a various challenge in the dakwah implementation cover some aspect such as lack of finance, lack of participation from congregation members, cancellation of lectures and ideological diversity. Hopefully this article can enrich the treasures of knowledge, information to readers, especially related to the challenges of the mosque.

Keywords: challenge, implementation, activity, An-Naim Mosque.

Received: October 21, 2021

Accepted: December 21, 2021

Online Published: December 31, 2021

Pendahuluan

Masjid merupakan sebuah institusi yang penting kepada umat Islam. Ia merupakan institusi yang menyatukan manusia dari segi fizikal dan rohani manusia untuk melaksanakan amanah sebagai khalifah Allah. Ia merupakan satu institusi “ummatik”. Yang dimaksudkan dengan ummatiki iaitu merujuk kepada kesatuan masyarakat Islam. Masjid adalah nadi kehidupan dan pembangunan personaliti dan kemasyarakatan umat Islam, semua aktiviti umat Islam itu sewajarnya bergerak dan terpancar dari institusi masjid (Remly M.R, Abdul Kadir M.N, Othman F, Sabaruddin S.A. 2019. Namun setiap masjid mempunyai cabaran yang tersendiri (M.Saleh 2019) . Di antara cabaran yang dihadapi oleh pihak masjid untuk menjalankan segala aktiviti seperti *in door* atau *out door* tersebut secara berkala dan berterusan ialah cabaran kewangan, cabaran tenaga penggerak, cabaran penambahbaikan pengisian yang terkini serta tiada pengalaman dan kemahiran.

1. Cabaran kewangan

Aktiviti masjid yang berkala dan berterusan memerlukan dana kewangan yang besar. Dana kewangan yang besar diperlukan untuk menampung kos peralatan, kos pengendalian dan kos operasi setiap aktiviti *in door* dan aktiviti *outdoor* masjid tersebut (Bahari, 2004).

Contohnya, kos pembelian peralatan sukan, kos bayaran suguhati penceramah, kos makan-minum peserta setiap aktiviti, kos aktiviti di luar kawasan masjid dan lain-lain kos yang berkaitan. Kos-kos tersebut sentiasa meningkat dari masa ke semasa kesan daripada peningkatan berterusan harga barang-barang.

Kekangan kewangan yang dihadapi oleh masjid merupakan antara punca utama mengapa masjid-masjid tersebut tidak dapat menjalankan aktiviti masjid secara berkala dan berterusan setiap tahun, atau tidak pernah menjalankannya langsung. Justeru itu, dana kewangan yang amat terhad adalah suatu cabaran yang amat besar terutamanya bagi masjid-masjid luar bandar untuk memperuntukan sejumlah dana tertentu yang dikhususkan bagi melaksanakan aktiviti *in door* dan aktiviti *outdoor* masjid yang berkala dan berterusan setiap tahun (Saleh, 2018).

2. Tiada pengalaman dan kemahiran

Faktor pengalaman dan kemahiran adalah amat diperlukan oleh pihak masjid untuk merancang serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah untuk kesemua golongan masyarakat tersebut. Ketiadaan pengalaman dan kemahiran tersebut menyebabkan pihak masjid gagal untuk merancang dan melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah tersebut. Pengalaman dan kemahiran merancang serta melaksanakan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah boleh diperolehi melalui perkongsian pengalaman pihak lain dan menerusi penyertaan pihak masjid dalam program pendidikan dan pembangunan ummah yang dianjurkan oleh pihak lain. Tanpa pengalaman dan kemahiran, adalah amat sukar untuk pihak masjid merancang serta melaksanakan dengan berkesan program dan aktiviti pendidikan dan pembangunan ummah yang terbaik untuk kesemua golongan masyarakat tersebut (Saleh 2019)

3. Cabaran tenaga penggerak

Untuk memastikan agar setiap aktiviti dapat berjalan dengan baik, lancar, serta dilaksanakan secara berkala dan berterusan, pihak masjid memerlukan ramai tenaga penggerak yang mempunyai komitmen tinggi terhadap perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut. Komitmen yang tinggi tersebut menuntut tenaga penggerak aktiviti masjid untuk mengorbankan banyak masa mereka untuk pelaksanaannya (Saleh, 2018).

4. Cabaran penambahbaikan pengisian aktiviti yang terkini

Tujuan utama aktiviti ialah untuk memberikan bimbingan yang berterusan kepada masyarakat Muslim supaya mereka menjadi insan beriman, bertaqwa, beramal solih dan seterusnya mendapat redha Allah di dunia dan di akhirat. Lantaran itu, dari masa ke semasa, aktiviti masjid untuk masyarakat juga tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran untuk penambahbaikan berkaitan pengisian kandungan aktiviti yang terkini dan metodologi kaedah penyampaian dan pelaksanaannya yang berkesan (Saleh, 2018).

Di antara cabaran utama yang dihadapi oleh pihak masjid ialah dari masa ke semasa untuk terus melakukan penambahbaikan pengisian kandungan aktiviti masjid dengan pengisian yang;

- Boleh membantu mengembangkan keterampilan dan potensi diri masyarakat dengan menampilkan kreativiti mereka.
- Boleh memotivas dan masyarakat untuk menjadi insan yang beriman, berilmu, beramal shalih dan berakhlak mulia serta memiliki kefahaman Islam yang komprehensif.
- Boleh meningkatkan kualiti keimanan, keilmuan dan amal shalih mereka.
- Boleh melahirkan masyarakat yang sentiasa mencari redha Allah dalam setiap pekerjaan dan amal ibadahnya dengan menjadikan Rasulullah sebagai idolanya.
- Boleh membantu remaja dan masyarakat supaya mereka tidak terjebak dengan gejala sosial dan terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak.

5. Kehadiran yang sedikit daripada ahli jemaah

Kehadiran jemaah ke masjid sama ada untuk menghadiri kuliah maghrib mahu pun untuk solat fardu lima waktu berbanding dengan golongan remaja dan muda. Contohnya, kajian yang dilakukan di Masjid Negara, di Masjid Saidina Osman di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dan Masjid Mukim Paya Lada, Ketereh menunjukkan bahawa jumlah orang Islam yang hadir ke masjid adalah sedikit berbanding dengan jumlah masyarakat di sekitarnya (Ashaari M.F dan Mokhtar F, 2018)

Metodologi Kajian

Metodologi kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data melalui temu bual, dan analisis dokumen. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual semi-struktur yang dilakukan secara mendalam kepada pentadbir masjid. Kaedah temu bual semi-struktur dipilih kerana mempunyai fleksibiliti yang membolehkan pengkaji mengubah suai soalan untuk memahami fenomena yang dikaji. Fleksibiliti dalam proses temu bual sangat diperlukan kerana proses temu bual melibatkan penceritaan oleh informan mengenai suatu pengalaman atau pengetahuan yang melibatkan informan tersebut. Kadangkala terdapat pernyataan yang tidak dijangka dan dalam bentuk yang tidak dijangka oleh informan kajian (John Eyles, 1993). Temu bual mendalam bersifat luas, terbuka, tidak berstruktur atau separuh struktur dan tidak semestinya bersifat tetap. Isinya ialah pertemuan berulang kali secara langsung antara pengkaji dan subjek pengkajian. (Jasmi, 2018). Persampelan dilakukan kepada pentadbir Masjid An-Naim, Selangor.


Dapatan Kajian

Masjid An-Naim adalah masjid yang ke-3, setelah lawatan DYMM Sultan Selangor ke masjid yang ke-2. Beliau prihatin bahawa masjid sedia ada tidak dapat menampung pertambahan Jemaah ketika itu. Beliau mengarahkan kerajaan negeri ketika itu, Pejabat Daerah Klang dan Jabatan Agama Islam Selangor untuk menggantikan masjid ke-2 yang dibina daripada kayu.

Masjid ini siap dibina pada awal tahun 1988 dengan kos pembinaan mencecah RM1.5 juta. Masjid ini kemudiannya diraasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj Ibn Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Al-Haj. Pada hari Jumaat, 2 Septemember 1988 bersamaan 20 Muharram 1409H. Masjid ini dibina di atas tanah wakaf yang disumbangkan oleh Allahyarham Tuan Haji Talha Bin Abdul Latif, Allahyarham Tuan Haji Munawi Bin Sujak dan Allahyarham Tuan Haji Abdul Aziz Sawirong. Masjid yang siap dibina dinamakan “Masjid An-Naim” Jalan Kebun.

Objektif Masjid An-Naim adalah melahirkan ummah yang berkualiti dalam ibadat seharian mengikut Al-Quran dan As-Sunnah. Visi dan Misi Masjid An-Naim. Visi Masjid An-Naim adalah melahirkan masyarakat Islam yang komited terhadap masjid dengan pelbagai aktiviti dan program pengimarahkan kepada semua lapisan masyarakat. Manakala Misi Masjid An-Naim pula adalah melahirkan satu pengurusan pentadbiran masjid di dalam negeri Selangor yang terbaik, cekap, menjadi contoh dan diredhai Allah SWT.

Logo Masjid An-Naim



Rajah 2: Logo Masjid An-Naim

Senarai Surau di Bawah Jagaan Masjid An-Naim

- I. Surau Ar- Rahman
- II. Surau Nurul Iman
- III. Surau Al-Amin
- IV. Surau An-Nur
- V. Surau Kemuning Utama
- VI. Surau Al-Firdaus
- VII. Surau Al-Hidayah
- VIII. Surau Annur Al-Idrisiah

- IX. Surau Al-Azizah
- X. Surau Al-Falah
- XI. Surau Al-Hijrah
- XII. Surau An-Namira
- XIII. Surau As-Solehin
- XIV. Surau An-Najihin

Pencapaian

Sepanjang 32 tahun setelah pembinaan Masjid An-Naim dengan silih berganti pemimpin, telah banyak pencapaian dan anugerah diperolehi. Terdapat beberapa anugerah yang diperolehi antaranya

- 1) Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2009 mendapat tempat kedua dalam kategori B (berusia 10 tahun ke atas),
- 2) Anugerah Masjid Terbaik Negeri Selangor 2004 dalam kategori C (berusia 16 tahun ke atas)
- 3) Anugerah Penanda Aras Pencapaian KPI 2014 Masjid Daerah Klang.
- 4) Pertandingan Masjid Terbaik Peringkat Daerah Klang Tahun 2011, Mendapat Tempat Ketiga
- 5) Anugerah Piala Pusingan Pertandingan Masjid Contoh.
- 6) Anugerah Piala Pusingan Johan Masjid Contoh Dan Terbaik
- 7) Pertandingan Masjid Terbaik Peringkat Negeri Selangor 2001

Cabaran Dalam Pelaksanaan Aktiviti Masjid

Masjid An-Naim adalah masjid yang aktif dan mesra ummah kerana masjid dapat melaksanakan pelbagai aktiviti dari segi aspek Pendidikan, sosial, agama, ibadah, ekonomi, kebajikan dan kebersihan dan layanan yang sewajarnya dalam menunaikan hak dan keperluan pelbagai golongan masyarakat. Namun, Hasil kajian ini telah memperlihatkan beberapa cabaran yang dilalui oleh pihak masjid dalam pelaksanaan aktiviti dakwah. Di antara cabaran tersebut ialah kekurangan dana kewangan, kurang dari segi penyertaan dengan jumlah mengikut penduduk yang merada di Jalan Kebun, kuliah terpaksa dibatalkan kerana penceramah *last minute* tidak dapat hadir dan pelbagai ideologi politik yang wujud dalam *team-team* masjid.

1. Kekurangan dana kewangan

Faktor kekangan dana kewangan menyebabkan banyak masjid menghadapi pelbagai cabaran, halangan dan kesukaran dalam menyediakan ruangan untuk melakukan solat seperti solat jumaat, solat Hari Raya Aidilfitri, Aidiladha dan sebagainya. Untuk tujuan tersebut, pihak masjid memerlukan sumber kewangan yang besar dan kukuh, bukannya daripada kutipan tabung derma masjid.

Limpahan Jemaah dan kita juga merancang untuk membesarkan tetapi ada kekangan kewangan mungkin ambil masa yang agak Panjang.

(Muhd Othman, 2020)

2 Penyertaan kurang mengikut penduduk yang ada

Cabaran dalam kurangnya penyertaan mengikut penduduk tempatan yang ada di Jalan Kebun ini. Untuk program remaja antara tahap sekolah rendah dan awal menengah, biasanya penyertaan akan mencecah lebih 200 peserta tetapi apabila di kira balik mengikut jumlah penduduk tempatan ia merupakan jumlah yang masih kecil peratusannya. Jika lihat pada jumlah pelajar di Sekolah Kebangsaan Jalan Kebun, kelas untuk tingkatan satu sahaja mempunyai 11 buah kelas dan setiap kelas mempunyai 45 orang pelajar. Disini kita lihat darjah satu sahaja hampir 500 pelajar. Ini menunjukkan penyertaan masih kurang mengikut jumlah penduduk yang ada di Jalan Kebun ini.

Cuma saya nampak masih lagi kurang dari segi penyertaan dengan jumlah mengikut penduduk yang ada di Jalan Kebun ini. Saya rasa peratusan masih kecil, banyak benda yang perlu kita lalukan.

(Muhd Othman, 2020)

3 Kuliah terpaksa dibatalkan

Cabaran kuliah terpaksa dibatal ini kerana penceramah tidak dapat hadir *last minute* dan ini akan menyebabkan jemaah tertunggu untuk menambah ilmu. Masjid An-Naim membuat inisiatif lain dengan mencari pengganti di kalangan ahli jawatan kuasa yang sukarela untuk menggantikan penceramah yang tidak dapat hadir itu. Selain itu, pengantikan selalu tidak dapat menyampaikan ceramah mengikut tajuk yang telah dijadualkan.

Kadang-kadang kuliah terpaksa dibatalkan sebab penceramah last minute tidak dapat hadir. Kadang-kadang jemaah pun tunggu.

(Muhd Othman, 2020)

4 Pelbagai ideologi politik

Cabaran pelbagai ideologi politik ini wujud di kalangan antara ahli anggota Masjid An-Naim itu sendiri. Sekiranya ia berterusan, ini akan menyebabkan perselisihan antara ahli-ahli masjid. Ini berlaku terutama di dalam *group Whatsapps*, yang mana selalu post-post perkara yang sensitif dan sensasi.

Cabaran besar kita, setelah PRU 14 yang lepas berlaku perubahan kerajaan. Pelbagai ideologi politik yang wujud dalam team-team masjid la.

(Muhd Othman, 2020)

5 Ruang luar masjid yang amat terhad

Ruang tempat letak kereta dalaman masjid kebiasaanya disediakan hanya terhad kepada imam, vip, penceramah dan hanya boleh kurang 20 buah kereta sahaja. Selebihnya terpaksa parking di luar masjid dan ini akan menyebabkan jalan menjadi sempit dan sesak terutamanya apabila mengadakan aktiviti besar di masjid.

Kami mahu hapuskan kedai lama sebab mengganggu tempat parking. Tempat parking penceramah. Kerana kawasan terlalu kecil. Jemaah ramai tapi tempat parking terlalu kecil.

(Mohd Hamdan, 2020)

Kesimpulan

Masjid merupakan sebuah institusi yang amat penting kepada umat Islam kerana ianya merupakan tempat untuk melaksanakan ibadah, dakwah, penyebaran ilmu serta aktiviti-aktiviti pembangunan ummah yang lain. Lantaran itu, Masjid An-Naim sebagai sebuah masjid pembangunan yang berjaya melalui sumbangan yang diberikan kepada masyarakat. Secara keseluruhannya hasil penelitian ini menunjukkan bahawa dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti masjid, pelbagai cabaran perlu ditempuhi iaitu kekurangan kewangan, kurang penyertaan dari ahli jemaah, pembatalan kuliah dan kepelbagaian ideologi, Namun cabaran tersebut tidak menjadi suatu yang menghalang bagi pihak pengurusan masjid dalam meneruskan aktiviti-aktiviti pengimarahannya Masjid. Semoga artikel ini dapat memperkaya khazanah ilmu, informasi kepada para pembaca terutama berkaitan cabaran masjid.

Rujukan

- Ashaari M.F & Mokhtar F. 2018. Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid. *Jurnal Hadhari* 10 (2): 205-224.
- Bahari, Z. &. (2004). *Penjanaan dana pengurusan masjid. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid*. UUM, Sintok Kedah, Malaysia.
- Jasmi K.A. (2018). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- John Eyles, E. P. (Jun, 1993). *Life History as Method: An Italian-Canadian Family In An Industrial City*. Retrieved from Wiley Online Library: <https://onlinelibrary.wiley.com>
- Mohd Hamdan, B. R. (6 Januari, 2020). *Pelaksanaan Aktiviti Masjid An-Naim Dakwah dalam Kalangan Masyarakat Selangor*. (B. M. Nur Hikmah, Interviewer)

- Muhd Othman, B. A. (5 Februari, 2020). Pelaksanaan aktiviti masjid An-Naim dalam dakwah di kalangan masyarakat Selangor. (N. H. Waijar, Interviewer)
- Remly M.R, Abdul Kadir M.N, Othman F, Sabaruddin S.A. 2019. Cabaran Pengurusan Aktiviti Pengimarahannya Institusi Masjid: Kajian Kes Di Masjid Cemerlang Di Malaysia. *Journal of Management & Muamalah*, 9(1):39-51.
- Saleh M.S. 2019. Pengimarahannya Masjid: Masjid Mesra Ummah – Isu Dan Cabaran.e-
Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf
Management (IMAF-2019).297-305
- Saleh, M. S. (2018). *Aktiviti In Door Serta Out Door Masjid Dan Remaja Muslim - Isu Dan Cabaran*. 46-54: Fakulti Pengurusan & Muamalah.E-BOOK Of Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (IMAF 2018).46-57